

**UCAPAN ALUAN YB DATO' CHUA JUI MENG, MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA, SEMPERNA MAJLIS PELANCARAN KEMPEN ANTI-MEROKOK "TAK
NAK", DI PUSAT KONVENSYEN PUTRAJAYA, 9 FEB 2004 JAM 11.00 PAGI**

Yang Berusaha Tuan Pengerusi Majlis,

YAB Dato' Seri Abdullah Bin Ahmad Badawi,
Perdana Menteri Malaysia.

YB Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri,
Setiausaha-Setiausaha Parlimen,

Ketua-Ketua Jabatan, Dif-dif kehormat,

Tan Sri, Puan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin,

Tuan-tuan dan puan-puan serta para pelajar yang dihormati sekalian.

Selamat pagi, salam hormat dan selamat sejahtera.

1. Hari ini merupakan hari yang paling bermakna dalam sejarah perjuangan menentang penularan gejala merokok di Malaysia. Sejak awal 1980an lagi, apabila sebuah Pekeliling Perkhidmatan Awam mengisytiharkan bahawa semua pejabat Kerajaan adalah tempat larangan merokok, banyak langkah-langkah telah diusahakan oleh Kementerian Kesihatan untuk membendung masalah ini.

2. Pelbagai pendekatan, khususnya kaedah perundangan dan pendidikan kesihatan yang menyasarkan para perokok, telah dijalankan sejak dua dekad yang lalu dengan harapan agar golongan ini meninggalkan tabiat mereka. Namun, kadar merokok semakin meningkat dengan penglibatan wanita dan remaja pula. Ini adalah hasil dari kejayaan taktik promosi oleh syarikat-syarikat tembakau untuk memperluaskan jaringan pasaran masing-masing demi keuntungan yang lumayan.

3. Oleh itu, saya serta semua warga Kementerian Kesihatan merasa amat berterima kasih kepada YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, di atas kesudian beliau melapangkan masa dari jadualnya yang sungguh

sibuk, untuk melancarkan Kempen Anti-Merokok “Tak Nak” pada pagi ini. Kehadiran YAB Perdana Menteri jelas memaparkan komitmen Kerajaan dan keperihatinan YAB Dato’ Seri sendiri dalam hal-hal berhubung kesihatan, termasuk masalah merokok.

4. YAB Dato’ Seri Abdullah sememangnya tidak asing lagi bagi Kementerian Kesihatan kerana rekod sumbangan beliau yang membanggakan dalam menyelesaikan masalah-masalah kesihatan terdahulu. Pemimpinan YAB Dato’ Seri begitu menyerlah semasa Malaysia berhadapan dengan beberapa cabaran getir terutamanya dalam menangani wabak Denggi, Nipah dan SARS pada tahun-tahun yang lalu. Berkat kebijaksanaan dan ketegasan beliau, negara telah berjaya mengatasi kemelut kesihatan yang begitu mengancam pada ketika itu. Saya yakin bahawa bagi apa jua cabaran wabak penyakit, sama ada selesema burung maupun wabak penyakit kronik akibat tembakau, kita akan mampu menanganinya dengan jaya selagi Kerajaan negara ini kekal diterajui oleh pemimpin seperti YAB Dato’ Seri.

5. Kempen Anti-Merokok “Tak Nak” ini asalnya merupakan cetusan minda bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang bimbang melihat golongan generasi muda yang kian terjebak. Merokok malangnya telah dianggap sebagai satu perbuatan bergaya dan menjadi norma kehidupan sebahagian rakyat Malaysia. Nyata sekali anggota masyarakat mesti diberi maklumat yang jelas dan jitu tentang rokok supaya mereka boleh membuat pilihan yang bijak dan tepat apabila berhadapan dengan tekanan-tekanan untuk merokok.

6. Dalam kempen ini, maklumat hasil kajian saintifik mengenai bahaya rokok dan kebaikan tidak merokok akan disebarkan ke seluruh pelusuk melalui saluran-saluran dan kaedah komunikasi yang berkesan. Di samping itu, dengan menggunakan satu ikon yang mudah, menarik dan senang diingat, iaitu “Tak Nak”, Kementerian Kesihatan ingin mewujudkan satu gelombang sokongan padu di kalangan masyarakat Malaysia untuk menentang tabiat merokok. Adalah diharapkan setiap kali para perokok memulakan perlakuan merokok, ikon “Tak Nak” akan melintasi fikiran mereka dan mereka akan mengambil langkah-langkah positif untuk berhenti. Begitu juga diharapkan ikon “Tak Nak” ini akan melintasi fikiran golongan

muda yang ingin cuba merokok, dan menjadi satu landasan pencegahan bagi tabiat ini. Mereka yang tidak merokok juga akan teringat bahawa mereka “Tak Nak” menjadi perokok pasif dan seterusnya akan menggalakkan kenalan atau orang yang disayangi supaya tidak memula atau meneruskan merokok.

7. Bagi memastikan keberkesanan Kempen Tak Nak Merokok ini, tindakan promosi kesihatan dan didikan umum tentang rokok perlu dijalankan secara konsisten dan berterusan selama beberapa tahun mendatang. Kerajaan telah menetapkan peruntukan sebanyak lebih kurang RM 20 juta setahun untuk 5 tahun berikutnya bagi kempen ini. Respon orang ramai akan diukur dan kandungan kempen akan dinilai setiap tahun agar ia menjadi lebih tepat dan lebih berjaya setiap tahun.

8. Visi kempen untuk mengujudkan masyarakat yang bebas dari ancaman asap tembakau ini akan dicapai melalui penyatuan dan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat, termasuk kerjasama daripada pelbagai Kementerian seperti Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan. Penglibatan para NGO dan agensi-agensi lain juga amat dialu-alukan oleh Kementerian Kesihatan, seperti pernah berlaku di dalam program-program anti-merokok dahulu, termasuk “Kempen Nafas Baru Bermula Ramadhan” dan “Seminar Tembakau, Wanita dan Gadis” pada tahun yang lepas. Semoga melalui pendekatan bersepadu ini, kempen ini akan melahirkan generasi masa depan yang sihat dan tidak merokok, sesuai dengan aspirasi wawasan murni negara iaitu Wawasan 2020.

9. Akhir kata, saya ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Induk Kempen “Tak Nak” yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Datu Dr. Mohamad Taha Bin Arif, dan setiap warga kerja, termasuk Malaysia Design Technology Centre, yang telah bertungkus lumus membuat persediaan demi memastikan acara pelancaran kempen ini benar-benar berjaya. Kerjasama dan sokongan padu para anggota dari pelbagai agensi pusat serta kakitangan Kementerian Kesihatan yang penuh berdedikasi amat membanggakan. Syabas dan tahniah saya ucapkan. Semoga Kempen ini akan berjalan dengan lancar di sepanjang tahun 2004 dan tahun-tahun selanjutnya, serta mencapai setiap objektif yang disasarkan.

10. Izinkan saya menyudahi ucapan saya dengan dua rangkap pantun:

*Pergi ke muara membawa joran
Di hujung tangsi kail disemat
Tahun 2004 dijadikan sasaran
Tidak merokok jadikan matlamat*

*Kebahagiaan keluarga impian insan
Kasih dipupuk demi anak
Masyarakat bermaklumat menjadi harapan
Kepada rokok, katakan Tak Nak!*

Sekian terima kasih.